

Baca bahan di bawah dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah.

“Mak ... mak ada duit tak?” tanya Azizah pada petang itu. Emaknya tidak menjawab. Emaknya hanya menggelengkan kepala sahaja.

“Betul?” tanya Azizah. Emaknya mengangguk pula.

“Sungguh?” tanya Azizah lagi. Emaknya mengangguk lagi.

“Bohong!” bentak Azizah, marah.

“Buat apa mak nak bohong kau, Zizah,” jawab emak, lemah dan sayu.

“Hari tu Zizah nampak mak kira duit banyak.”

“Itu duit Abang Azman kau di UiTM, dia nak gunakan duit untuk membayar yuran,” kata emak perlahan.

“Mak selalu sangat kirim duit kepada Abang Azman. Dia kan dah dapat biasiswa, buat apa nak kirim lagi?” Azizah sedih dan kecewa. Mana nak cari wang? Sekurang-kurangnya sepuluh ringgit diperlukan untuk membeli hadiah buat Cikgu Zaleha. Azizah sayang akan Cikgu Zaleha kerana guru itu selalu memuji kepandaian Azizah dalam kebanyakan mata pelajaran. Azizah juga dipuji kerana rajin belajar dan merupakan murid yang berdisiplin.

Dipetik daripada cerpen ‘Hadiah’, Antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia

1. Berdasarkan petikan cerpen, apakah tujuan Azizah meminta wang daripada ibunya?
 - A Untuk membayar yuran sekolah
 - B Untuk dikirimkan kepada Abang Azman
 - C Untuk membeli peralatan sekolah
 - D Hendak membeli hadiah untuk guru kesayangannya
2. Gambarkan perasaan Azizah setelah emaknya tidak dapat memberinya wang.
 - A Sedih dan hampa
 - B Marah dan kesal
 - C Pasrah dan insaf
 - D Kecewa dan runsing
3. Antara yang berikut, pernyataan yang manakah mengandungi gaya bahasa sinkope?
 - A Azizah sedih dan kecewa.
 - B Emaknya hanya menggelengkan kepala sahaja.
 - C "Hari tu Zizah nampak mak kira duit banyak."
 - D "Betul?" tanya Azizah. Emaknya mengangguk pula.
4. Antara yang berikut, pernyataan yang manakah benar?
 - A Azizah berasa marah kerana emaknya sentiasa melebihi-lebihkan abangnya.
 - B Abang Azizah merupakan graduan UiTM.
 - C Azizah mahu membeli hadiah yang mahal untuk Cikgu Zaleha.
 - D Cikgu Zaleha sering memuji Azizah kerana dia rajin belajar dan berdisiplin.
5. Tema cerpen ini ialah
 - A sikap berjimat cermat.
 - B kasih sayang keluarga.
 - C tanggungjawab seorang ketua keluarga.
 - D kegigihan dan kecekalan murid yang akhirnya membuahkan kejayaan.